

# Cina, India jadi PM satu hari nanti — Dr. M

UM 18 JUN 2000

Oleh ROSNI RAHMAT dan DALIZA ARIFFIN

KUALA LUMPUR 17 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, suatu hari nanti jawatan Perdana Menteri akan disandang oleh orang keturunan Cina atau India iaitu apabila rakyat Malaysia tidak lagi dibelenggu soal perkauman.

Perdana Menteri menegaskan bahawa perkara itu hanya boleh berlaku sekiranya semua kaum terutama orang Melayu dapat menerima orang Cina, India atau bumiputera lain untuk menduduki jawatan tersebut.

Menurut Dr. Mahathir, sesiapa sahaja dan mereka dari apa jua keturunan termasuk bumiputera bukan Melayu berhak menjadi Perdana Menteri, yang tidak semestinya disandang oleh keturunan Melayu sahaja.

## Merealisasikan

Malah, Perlembagaan Malaysia, jelas beliau, tidak ada menyebut mengenai keturunan bagi melayakkan seseorang itu menjadi Perdana Menteri.

Beliau berkata, proses ke arah merealisasikan perkara

tersebut sudahpun berjalan dan jika semua pihak sensitif terhadap cita rasa rakyat negara ini, soal kaum dan keturunan tidak lagi akan menghalang sesiapa sahaja daripada memegang apa-apa jawatan.

Sehubungan dengan itu, beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, parti-parti komponen BN termasuk MCA perlu berusaha ke arah itu dan percaya ia boleh dicapai dengan cara tersendiri iaitu menerusi perpaduan kaum yang sebenar.

“Bekerja samalah dalam bidang politik, ekonomi dan

sosial dan kita semua akan dapat menghapuskan perkauman,” katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada majlis perasmian Perhimpunan Agung MCA ke-47 di sini yang kemudiannya disambut dengan tepukan gemuruh oleh ahli-ahli parti itu.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik.

Perhimpunan Agung MCA kali ini menjadi perhatian umum ekoran parti itu baru

■ Lihat muka 4

# Cina, India jadi PM satu hari nanti — Dr. M

UM 18 JUN 2000

saja menempuh peristiwa menggemparan ekoran pengumuman Dr. Ling yang mahu meletakkan jawatan sebagai Menteri Pengangkutan, baru-baru ini.

Mengulas lanjut mengenai isu keayakan menjadi Perdana Menteri. Dr. Mahathir pada sidang akhbar berkata, beliau menyerahkan kepada rakyat negara ini untuk menentukan bila perkara tersebut (bukan bumiputera menjadi Perdana Menteri) akan menjadi kenyataan.

Ini kerana, katanya, pelantikan bukan bumiputera sebagai Perdana Menteri bergantung kepada penerimaan rakyat negara ini dan setakat mana soal perkauman dapat ditangani.

Sejajar dengan itu, menurut beliau, BN sentiasa menekankan persoalan pentingnya membina penerimaan masyarakat mengenai ciri-ciri persamaan yang dimiliki oleh rakyat

dan bukannya menekankan mengenai perbezaan yang wujud di kalangan mereka.

Ditanya, apakah ia boleh berlaku semasa hayatnya, Dr. Mahathir secara berseloroh berkata: “Ia bergantung kepada berapa lama saya hidup.”

Menurut Dr. Mahathir, beliau percaya UMNO akan bersetuju dengan pandangannya itu dan bersedia menerima sesiapa sahaja sebagai pemimpin asalkan beliau seorang yang berdedikasi terhadap negara.

“Saya bukan melakukan sesuatu yang akan menambahkan rasa tidak suka mereka (anggota) UMNO kepada saya, saya hanya berkata yang sebenarnya,” katanya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan tambahan jawatan dalam kabinet akan diberikan kepada bukan Melayu jika soal perkauman boleh dielakkan dan masyarakat berfikir bahawa semua pihak adalah

‘Malaysian’ dan bukannya mewakili mana-mana kaum.

Mengenai dakwaan sesetengah pihak bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah mencetuskan perpecahan di antara kaum, kata Perdana Menteri, dasar itu telah membantu proses integrasi kaum.

“Di sesetengah negara yang tidak mempunyai dasar sedemikian, mereka lebih berpecah dan tidak mengiktiraf bangsa. Mereka mendakwa mereka adalah satu negara tetapi jauh di dalam, mereka berlainan,” katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai laporan *Utusan* tentang rombakan kabinet yang dijangka diumumkan tidak lama lagi akan menyaksikan kemunculan semula Menteri Undang-Undang dengan menteri-nya juga dilantik sebagai Peguam Negara, kata Dr. Mahathir: “Saya tak tahu, saya tak pernah dengar pun.”